

27 MAR 2001

Nazri-Peruntukan

PERUNTUKAN TAMBAHAN UNTUK USAHAWAN MERUPAKAN STRATEGI SERAMPANG DUA MATA

LANGKAWI, 27 Mac (Bernama) -- Peruntukan tambahan kepada Tabung Usahawan Baru (NEF) merupakan strategi serampang dua mata untuk membantu usahawan selain menangani kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat terhadap pertumbuhan Malaysia, kata Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Nazri Abdul Aziz.

Beliau berkata pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berhubung perkara itu seharusnya disambut baik kerana ia dapat membantu usahawan mendapatkan modal berniaga.

Pengumuman Dr Mahathir mengenai langkah berjaga-jaga bagi memapankan momentum pertumbuhan negara berikutan kelembapan ekonomi AS itu menyaksikan NEF ditambah sebanyak RM250 juta kepada RM1.5 bilion.

Selain itu sebuah Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (ERDF) dengan jumlah RM500 juta akan diperkenalkan.

"Budaya niaga bukan menjadi masalah di Malaysia tetapi modal, kerana ketiadaan modal akan menyebabkan usaha untuk memulakannya terbantut," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan surat tawaran/lesen kereta sewa kepada 30 pemandu di sini.

Menurut beliau kementerian sememangnya memohon peruntukan tambahan itu dan tidak akan menjadi masalah untuk mengeluarkan pinjaman.

Nazri juga berkata Langkawi yang merupakan destinasi pelancongan penting di negara ini akan diberi lebih perhatian melalui peruntukan tambahan itu bagi membantu usahawan di sini.

"Langkawi adalah kawasan pelancongan, sememangnya kita beri pertimbangan berbeza berbanding kawasan lain dengan memastikan peruntukan khas kepada usahawan di sini," katanya.

-- BERNAMA

NH RON